

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI  
[ SIBUTI ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status program Rumah Mesra Rakyat terkini bagi Kawasan Parlimen Sibuti, adakah program ini masih dijalankan dan berapakah kuota yang diperuntukkan bagi tahun 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan dalam menyediakan Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang mana program ini diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang (daif) tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah sendiri yang sempurna dan selesa.

2. Pelaksanaan program RMR di Negeri Sarawak yang berkonsepkan rumah sesebuah berkeluasan 700 kaki persegi dengan komposisi 3 bilik tidur dan 2 bilik air ini sebahagiannya dibiayai melalui subsidi oleh Kerajaan iaitu pada kadar RM20,000 seunit. Manakala baki kos pembinaan di antara RM48,000 hingga RM59,000 dibiayai oleh pemohon sendiri melalui pinjaman yang ditawarkan oleh SPNB. Untuk

makluman, dana pinjaman yang ditawarkan ini perlu diperolehi oleh SPNB terlebih dahulu melalui kaedah pinjaman dari mana-mana bank. Selain itu, Kerajaan juga bersetuju untuk memberi tambahan 2% subsidi bagi kadar keuntungan (*interest rate*) yang dikenakan kepada setiap pemohon yang layak.

3. Berdasarkan statistik permohonan dari tahun 2002 hingga 31 Ogos 2019, sebanyak 93,693 permohonan telah diterima dan dinilai dari seluruh negara dan 50,299 permohonan telah diluluskan, manakala sebanyak 35,879 permohonan telah ditolak dan 7,515 permohonan masih di dalam senarai proses/dinilai layak. Daripada jumlah permohonan yang diluluskan, 46,301 unit telah disiapkan, 2,630 unit sedang dalam proses pembinaan dan 1,368 sedang dalam peringkat dokumen perjanjian.

4. Bagi Parlimen Sibuti, sebanyak 486 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut 217 permohonan telah diluluskan iaitu 165 unit rumah telah siap dibina dan 52 unit lagi sedang dalam proses pembinaan. Manakala sebanyak 251 permohonan ditolak disebabkan tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan. Terdapat 18 permohonan lagi yang masih di dalam senarai proses/dinilai layak.

5. Untuk makluman Yang Berhormat, pada ketika ini pihak SPNB masih meneruskan Program RMR ini bagi memastikan hasrat rakyat yang ingin memiliki rumah sendiri yang sempurna dan selesa dapat dipenuhi. Tiada sebarang kuota yang diperuntukkan untuk sesuatu kawasan. Bagaimanapun, pelaksanaan Program RMR ini tertakluk kepada penyaluran dan ketersediaan peruntukan kewangan.

Sekian, terima kasih.